

20/04/1998

Kerajaan sedia ambil alih projek

Nadzim Ahmad Jamalludin

SENAI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia mengambil alih atau menyertai sesuatu projek infrastruktur demi kepentingan rakyat apabila sektor swasta tidak mampu melaksanakannya.

Perdana Menteri yang lebih cenderung projek seumpama itu diserahkan kepada syarikat swasta, bagaimanapun, menjelaskan kerajaan perlu melakukannya apabila keadaan memerlukan.

"Kita berpendapat kebanyakan daripada infrastruktur harus dibuat oleh pihak swasta.

"Tetapi kalau swasta tidak mampu, terpaksa kerajaan ambil alih ataupun menyertainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI) di sini, petang ini.

Beliau mengulas langkah kerajaan negeri menubuhkan syarikat bagi mengendalikan projek infrastruktur seperti dilakukan Kerajaan Johor dalam menyediakan kemudahan jalan luar bandar.

Perdana Menteri ditanya sama ada langkah Johor menubuhkan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) bertentangan dengan amalan kerajaan menggalakkan syarikat swasta mengendalikan projek infrastruktur.

Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan membenarkan pihak swasta mengendalikan sesuatu projek untuk kepentingan rakyat, ia tidak bermakna kepentingan syarikat Bumiputera diketepikan.

Ditanya apakah penubuhan syarikat kerajaan negeri menjejaskan peluang syarikat Bumiputera, beliau berkata: "Kita hendak supaya dia (syarikat kerajaan negeri) tidak menjejaskan... dia tidak harus bersaing dengan syarikat Bumiputera lain," katanya.

Mengenai penggabungan institusi kewangan, Dr Mahathir berkata, institusi terbabit perlu bergabung bagi memastikan mereka mempunyai sokongan yang lebih baik.

"Kita mempunyai banyak firma broker dan syarikat kewangan. Mereka perlu bergabung dan menjadi sebuah syarikat besar supaya mempunyai ketahanan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, pembesaran LTSI yang dilakukan berikutan pertambahan penumpang dan kargo adalah contoh perancangan kerajaan bagi memenuhi permintaan pada jangka masa panjang.

Katanya, perkembangan itu membuktikan telahan media asing pada masa lalu bahawa pembinaan LTSI adalah satu pembaziran dan kerajaan tidak bijak membelanjakan wang, meleset sama sekali.

Pengubahsuaian LTSI membabitkan perbelanjaan kira-kira RM85 juta termasuk tambahan 55 peratus ruang lantai bangunan sedia ada dan meningkatkan sistem bagasi, kaunter imigresen serta jambatan udara (aerobridge).

Kerja menaikkan taraf itu dimulakan pada Oktober 1996 bagi membolehkan terminal baru menampung 1,000 penumpang pada satu masa berbanding 400 sebelum ini.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Pengerusi Malaysia Airport Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail.

(END)